

Harun mungkin bebas hari ini?

KUALA LUMPUR, Selasa — Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong bersidang dua jam di Istana Negara malam ini membincangkan pengampunan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris.

Tiada kenyataan atau keputusan dimumumkan selepas sidang berakhir kira-kira jam 11.30 malam ini. Turut hadir ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Fengeran Othman Rauf.

Bagaimanapun, Berita Harian difahamkan lewat malam ini, satu kenyataan mengenai keputusan mesyuarat Lembaga Pengampunan itu akan dikeluarkan kira-kira jam 8 pagi esok oleh Penguam Negara.

Satu sumber yang rapat dengan Datuk Harun berkata beliau mungkin dibebaskan dari Hospital Besar di sini sebelum jam 9.30 pagi. Beliau kini masih dirawat di hospital itu.

Pemberita kita berada di hospital hingga tengah malam ini melaporkan Datuk Harun sedang tidur nyenyak di biliknya dan tiada pelawat dibenarkan memenuhinya.

Lembaga Pengampunan dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong bersidang malam ini membincangkan pengampunan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun bin Haji Idris.

Menunggu

Datuk Harun menyembahkan rayuan pengampunan tersebut melalui Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika itu Pemangku Perdana Menteri kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Februari lalu.

Datuk Harun kini menjalani hukuman penjara atas kesalahan rasuah selama enam tahun dan dijangka akan tamat tempoh pada 1984 tetapi hukuman itu dipendekkan satu pertiga yang mahu tempoh tamatnya pada bulan Februari tahun depan.

Datuk Harun yang dipilih sebagai salah seorang Naib Presiden UMNO dalam Perhimpunan Agung UMNO Jun lalu perlu menandatangani pengampunan jika mahu terus memegang jawatan tersebut.

Semalam Ketua Persekutuan Pemuda UMNO, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin berkata harapan Datuk Harun untuk diampun cerah.

Di Hospital Besar Kuala Lumpur, tempat Datuk Harun dirawat sejak empat bulan lalu di Wad 7, Bilik 11, wartawan menunggu dengan penuh sabar.

Mereka menunggu beberapa jam untuk mengetahui perkembangan lanjut tetapi tidak ada apa-apa yang berlaku. Wartawan dilarang masuk menunggu untuk memenuh Datuk Harun.

Antara mereka yang memenuh Datuk Harun di hospital ialah anaknya, Mazlan yang juga Exco

Pemuda UMNO, bekas Setiausaha Politikinya, Enok Fahmi Ibrahim, ahli Majlis Tertinggi UMNO, Puan Marina Yusoff dan bekas Ketua Pemuda UMNO Trengganu, Enok Abdullah Ismail.

Enok Abdullah memberitahu, adalah terlalu awal bagi wartawan bertemu ramah dengan Datuk Harun.

Katanya, mustahil untuk Datuk Harun memberi apa-apa komen sebelum Lembaga Pengampunan membuat keputusan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia